

# Rancang bina dua empangan

JPS mahu teliti usul sebelum dibawa dalam RMK-11

■ SITI FATIAH AWANG

**KOTA BHARU** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merancang membina dua empangan di kawasan hulu Kelantan terutama di Sungai Lebir dan Sungai Nenggiri bagi menampung jumlah air, seterusnya mengelak kejadian banjir.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ir Ahmad Husaini Sulaiman berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan teliti sebelum dibawa ke Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

"Empangan ini untuk membantu mengelak daripada banjir, ini salah satu lagi inisiatif kita untuk menampung jumlah air yang banyak, selain membina tembok penahan air di kawasan tertentu," katanya selepas mendengar taklimat di Ibu Pejabat JPS Kelantan, semalam.

Mengulas mengenai limpahan air di Sungai Kelantan sehingga menenggelamkan bandar Kota Bharu, Ahmad Husaini berkata, pihaknya mempertimbangkan untuk memanjangkan



Antara lokasi dicadangkan dibina empangan.

tebatan banjir satu kilometer daripada 3.5 kilometer sedia ada.

"Kita perlu nilai keadaan semasa supaya projek tebatan banjir ini dapat dicadangkan kepada kerajaan bagi membantu kurangkan banjir di Kelantan," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Husaini

berkata, pihaknya akan membuat kajian komprehensif keadaan banjir baru-baru ini bagi mengenal pasti jalan terbaik menanganinya.

"Kita perlu meneliti kawasan mana yang terlibat dengan kenaikan air yang banyak, perlu ada satu konsep macam mana banjir dapat

dikurangkan.

"Sebelum ini mungkin di sesetengah tempat sahaja tapi tahun lepas melibatkan Kuala Krai, Tumpat dan banyak lagi," katanya.

Dalam pada itu, Bernama melaporkan kenyataan Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir JPS, Ab Qahar Osman yang memberitahu projek empangan pelbagai guna di hulu Sungai Kelantan bernilai kira-kira RM3 bilion akan dibina tidak lama lagi sebagai sebahagian langkah utama penyelesaian banjir secara total di Pantai Timur.

"Untuk RMK-11, kita akan tumpukan pada beberapa cadangan bagi selesaikan masalah banjir secara total. Kos pembinaan (empangan) yang dianggarkan adalah RM3 bilion dan akan mengambil masa kira-kira lima tahun untuk disiapkan.

"Kita mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku baru-baru ini, yang mana sungai tidak mampu menampung kuantiti air hujan," katanya.